

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU

SOALAN:

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status rancangan pembinaan lebuhraya di antara Bandar Baru ke Kulim Hi-Tech dan lebuhraya di antara Kulim ke Mahang yang dikatakan telah diberi peruntukan tetapi masih belum diberi status pembinaan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan tersebut merujuk kepada Jalan Persekutuan FT136 dari Plaza Tol Bandar Baharu ke Kulim Hi-Tech. Kementerian ini sememangnya merancang untuk menaik taraf laluan sepanjang 42km itu dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Anggaran keseluruhan kos projek ini ialah sebanyak RM650 juta. Sehubungan itu permohonan kelulusan peruntukan projek tersebut telah dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk pertimbangan dalam tempoh RMKe-11.

Sekian. Terima kasih.